

Untuk Siaran Segera
Kenyataan media

MDEC Mengalakkan Rakyat Menggunakan e-Pembelajaran ketika Perintah Kawalan Pergerakan

- *Rakyat kini boleh menggunakan pelbagai aplikasi e-Pembelajaran untuk anak-anak mereka sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa*
- *MDEC kini menyediakan pelbagai maklumat tentang sumber yang boleh dilayari untuk menggunakan aplikasi berkenaan bagi mengurangkan mobiliti fizikal rakyat sekaligus mengurangkan penularan Covid-19.*

CYBERJAYA, 23 MAC 2020 - Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 31 Mac ini, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) hari ini tampil mengajak rakyat untuk menggunakan pelbagai saluran e-Pembelajaran dan alternatif lain ketika negara berdepan saat mencabar ini.

Sehubungan itu, ibu - bapa terutamanya yang bekerja dari rumah boleh mengambil peluang ini untuk memastikan anak-anak mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah yang tidak mengganggu proses pembelajaran susulan penutupan sekolah.

“ MDEC berpendapat pandemik Covid-19 akan memberi kesan jangka panjang terhadap tingkah laku rakyat negara ini kepada teknologi digital termasuklah membabitkan kaedah pembelajaran,” kata Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri.

Mengikut statistik Kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat sebanyak 2,426 sekolah menengah dan 7,776 sekolah menengah di seluruh negara pada 2018.

“ Sehubungan itu, MDEC akan memberi keutamaan terhadap tiga teras utama tahun ini, iaitu, perniagaan dan pelaburan. Teras pertama sangat penting untuk Malaysia mengatasi kesan sosio ekonomi yang tidak terjangka serta cabaran dan kedudukan ekonomi negara sebagai Nadi Digital ASEAN. Oleh itu, MDEC akan memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk mencapai hasrat menjadi negara yang mempunyai tenaga kerja berkemahiran digital yang tinggi. Inilah masanya untuk #DigitalvsCovid!

“ Pada masa sama, MDEC berupaya untuk mengkaji pendekatan tradisional yang kurang inovatif dalam menyelesaikan masalah dihadapi oleh sistem pendidikan negara serta para ibu bapa. Penutupan sementara sekolah, universiti dan kolej swasta telah memberi isyarat bahawa teknologi digital menjadi penyelesaian kerana dapat digunakan untuk urusan harian dan mampu memberi kesan positif sambil dibantu oleh kemudahan infrastruktur dan akses internet yang mudah didapati di negara kita,” katanya.

Surina menambah, sebagai contoh inisiatif PDTI yang melibatkan institusi pengajian tinggi dan kolej turut berusaha mencari kaedah baharu untuk membangunkan sistem penyampaian dan kandungan digital bagi memenuhi keperluan pelajar dan pihak berkepentingan.

“ PDTI yang terdiri daripada beberapa institusi pengajian tinggi berkait teknologi digital kelolaan MDEC telah menunjukkan rekod cemerlang apabila menghasilkan graduan berkualiti tinggi untuk sektor pekerjaan profesional berasaskan teknologi. Melalui dasar pendidikan dan pendidikan termaju pula, ia turut mempunyai jaringan industri yang kukuh sekaligus memudahkan graduan mencari kerjaya yang sesuai,” katanya.

Berikut merupakan senarai platform yang menyediakan e-pembelajaran. Ibu-bapa yang mempunyai anak -anak di sekolah rendah, menengah dan peringkat univervisit boleh melayari aplikasi ini untuk mendapatkan maklumat tentang kursus yang ditawarkan.

Senarai boleh dilihat di www.mdec.my dan dikemaskini dari semasa ke semasa.

PDTI yang menawarkan kursus e-Pembelajaran

1	Universiti Malaya (UM)	https://www.um.edu.my/
2	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	https://www.utm.my/
3	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	https://www.uitm.edu.my
4	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	http://www.iium.edu.my/
5	Multimedia University (MMU)	https://www.mmu.edu.my/
6	Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU)	http://www.apu.edu.my/
7	HELP University	https://help.edu.my/
8	Sunway University	https://university.sunway.edu.my/
9	Taylor's University	https://university.taylors.edu.my/en.html
10	Tunku Abdul Rahman University College (TAR UC)	https://www.tarc.edu.my/
11	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	http://www.utar.edu.my/main.jsp
No	Politeknik	Laman web
1	Politeknik Ungku Omar (PUO)	http://www.puo.edu.my/

2	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)	http://www.psmza.edu.my/index.php/en/
3	Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)	http://www.psis.edu.my/
4	Politeknik Balik Pulau (PBU)	http://www.pbu.edu.my/mypoliteknik/index.php/ms/
5	Politeknik Mersing (PMJ)	http://www.pmj.edu.my

Pautan dalam talian

EduwebTV <http://eduwebtv.moe.edu.my/> Free

WahEasy www.waheasy.com Free and Paid

ilearnace <https://ilearnace.com/account/login?error=0> Free Trial, then Paid

EduNation <http://www.edunation.my/> Free

JomStudi <https://www.jomstudi.my/> Free and Paid

SJKTflix <https://sjktflix.com/> Free

SJKCflix <https://sjkcflix.com/> Free

UPSRflix UPSRflix.com Free

PT3flix PT3flix.com Free

SPM Flix SPMflix.com Free

Saluran Youtube

Tutor TV <https://www.youtube.com/user/astrotutortv> Free

Saluran televisyen

ASTRO TVIQ Channel 610 catered to kids aged 4-15 years

Tutor TV UPSR (Channel 601)

Tutor TV PT3 (Channel 602)

Tutor TV SPM (Channel 603)

Tamat



Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) is a government agency under the purview of the Ministry of Communications and Multimedia Malaysia entrusted to lead Malaysia's digital economy forward. Incorporated in 1996 to oversee the development of the MSC Malaysia initiative, MDEC's primary mandate today is to accelerate the growth of digitally-skilled Malaysians, digitally-powered businesses and digital investments in Malaysia. MDEC is focused on creating inclusive, high-quality growth through the nationwide digitalisation initiatives that are in line with the Government's Shared Prosperity Vision 2030 and firmly establishing Malaysia as the Heart of Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward

To find out more about MDEC's Digital Economy initiatives, please visit us at www.mdec.my or follow us on:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec